13. State-Government-4 (SG4) merupakan sebuah jaringan strategik antara empat (4) buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan yang berobjektifkan dua (2) aspek utama iaitu pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited untuk mengoptimumkan pembangunan perdagangan dan perindustrian di Utara Semenanjung Malaysia, seperti yang dibuktikan oleh komitmen dan penyertaan aktif kerajaan dalam inisiatif ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Selaras dengan matlamat ekonomi negeri Pulau Pinang bagi pembangunan infrastruktur, pelaburan modal insan, dan pembangunan lestari, potensi untuk bekerjasama dengan keempat-empat negeri di bawah SG4 ini akan sentiasa wujud.

Kekuatan negeri Pulau Pinang dalam industri pembuatan serta industri elektrik dan elektronik juga mungkin berpotensi menyumbang kepada bidang dan industri tumpuan SG4. Maka, Kerajaan Negeri akan sentiasa terbuka untuk membincangkan potensi dan peluang bekerjasama serta projek yang saling

memanfaatkan dengan negeri-negeri di bawah gagasan SG4 sejajar dengan matlamat pembangunan ekonomi negeri masing-masing.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

14. Senaraikan apakah inisiatif dan perancangan serta pencapaian pembangunan keusahawanan sehingga 30 April 2024 dan nyatakan visi, misi dan hasil yang ingin dicapai bagi program-program keusahawanan yang boleh menghasilkan pencapaian impak tinggi.

**YB RASHIDI BIN ZINOL**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi Negeri dan Persekutuan bagi memastikan manfaat yang menyeluruh dalam membangunkan usahawan. Pada tahun 2023, hampir 150 program yang dilaksanakan secara kerjasama antara agensi khususnya untuk membangunkan usahawan. Selain itu, program-program khusus yang berterusan juga telah memberi manfaat kepada usahawan melalui inisiatif-inisiatif berikut:

(a) Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama kelima-lima Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dengan nilai bantuan alatan sebanyak RM3,000.00 kepada usahawan kecil yang layak dan diluluskan melalui mesyuarat *Focus Group Discussion (FGD)* Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah. Pada tahun 2023, seramai 79 orang usahawan kecil yang telah menerima bantuan alatan melalui program tersebut.

(b) Penang Woman Development Centre (PWDC) telah menjalankan dua (2) program iaitu Program *Penang Women Entrepreneur Mentoring Program* (PWEMP) dan Program Wanita Jana Rezeki (WJR) untuk membina dan membangunkan golongan wanita dalam menjana pendapatan melalui bidang keusahawanan. Program-program ini berhasrat untuk mencapai visi Penang2030 iaitu meningkat pemilikan perniagaan oleh wanita ke tahap 40%.

PWEMP memfokuskan kepada pembangunan kapasiti dan kemampuan usahawan wanita dalam kategori kecil atau mikro melalui program bimbingan keusahawanan. Usahawan-usahawan wanita akan menghadiri kursus tiga (3) hari tentang keusahawanan dan lapan (8) sesi bimbingan secara kumpulan bersama mentor. Selepas keseluruhan program tamat, platform seperti pameran dan persidangan akan disediakan bagi peserta-peserta membina rangkaian dan memperkembangkan perniagaan mereka. Sejak bermulanya program ini pada tahun 2020, seramai 291 orang usahawan wanita telah menamatkan kursus sepenuhnya. Manakala dalam penilaian pasca program pula, terdapat peningkatan pendapatan sebanyak 30% secara purata dalam kalangan peserta. Baru-baru ini, bekas peserta program juga telah diberi peluang untuk berniaga di Karnival Madani di Tapak Pesta Pulau Pinang di mana seramai sembilan (9) orang peserta telah mengambil peluang ini dan telah memperoleh nilai jualan sebanyak RM39,538.00.

Seterusnya Program WJR pula bertindak sebagai pemangkin untuk membina autonomi wanita terutamanya dari golongan B40 dengan membina kemahiran mereka dalam menjana rezeki. Pada tahun 2023, seramai 19 peserta telah menyertai kursus membangunkan produk makanan dan kursus penjagaan bayi dan ibu selepas bersalin mengikut minat masing-masing. PWDC telah bekerjasama dengan UiTM Cawangan Bertam dan Permatang Pauh untuk melaksanakan kursus ini. Program ini dilihat sebagai program yang mampu memberi impak tinggi kepada pendapatan peserta apabila para peserta menjana pendapatan sebanyak RM105,950.00 dalam tempoh masa empat (4) bulan.

Secara tidak langsung, program keusahawanan PWDC turut menjadi model kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menjalankan program serta membantu memperkasakan lebih ramai wanita di Pulau Pinang terutamanya dalam sektor ekonomi dan keusahawanan.

(c) Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) telah menyertai beberapa pameran dalam dan luar negara dan turut membawa bersama 21 syarikat/usahawan halal di Pulau Pinang bagi mempamerkan produk dan memperluaskan rangkaian mereka di dalam dan di luar negara. Antara pameran yang telah disertai adalah seperti berikut :

(i) Selangor International Halal Convention (SELHAC) - 7 syarikat;

(ii) Medan Fair, Indonesia - 6 syarikat;

(iii) World Islamic Entrepreneur Summit (WIES) Padang, Indonesia - 1 syarikat;

(iv) Minggu Usahawan Negara & Minggu PMKS Peringkat Kebangsaan - 1 syarikat; dan

(v) Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) - 6 syarikat.

(d) Lebih 877 orang peserta/entiti telah mendapat manfaat daripada program/projek yang dilaksanakan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Sejumlah 22 syarikat telah ditempatkan di PERDA Food Park dan memperoleh nilai jualan dalam lingkungan RM500,000.00 ke RM1,000,000.00 setahun.

(e) Di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, jumlah peserta yang terlibat melalui program pembangunan usahawan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:

(i) Himpunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang –1,200 peserta;

(ii) Kursus Pembangunan Laman Web – 100 peserta;

(iii) Kursus Digital Marketing – 500 peserta;

(iv) Kursus Perakaunan, Cukai dan Zakat – 50 peserta;

(v) Kursus Advance Digital Marketing – 100 peserta;

(vi) Kursus Pembangunan Laman Web – 60 peserta;

(vii) Penyertaan MIHAS 2023 – 20 peserta;

(viii) Penyertaan Malaysia Fest – 15 peserta;

(ix) Penyertaan Agrofiesta@Aidilfitri – 30 peserta; dan

(x) Kursus Teknologi Retort – 100 peserta.

(f) Di bawah Majlis Amanah Rakyat, seramai 52 orang penerima kemudahan melibatkan peruntukan sebanyak RM720,810.00 geran yang telah diberikan kepada usahawan pada tahun 2023 yang berjaya meningkatkan jualan dan mengembangkan pasaran produk dan perkhidmatan melalui Pusat Mara (PUSMA). Selain itu seramai 160 orang penerima turut menerima kemudahan pembiayaan perniagaan MARA dengan peruntukan sebanyak RM18,726,000.00.

(g) Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor (NCIA) melalui Program Dana Usahawan NCER membantu syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera yang berkelayakan dan berhasrat untuk melabur di dalam sektor-sektor tumpuan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), di mana program ini berperanan sebagai *tipping point* kepada syarikat-syarikat tersebut. Pada tahun 2023, sebanyak empat (4) buah syarikat Bumiputera berdaya saing tinggi telah memanfaatkan Dana Usahawan NCER di dalam mengembangkan perusahaan mereka, dengan jumlah pelaburan yang telah dimudahcara adalah sebanyak RM3.3 juta. Sebanyak 25 peluang pekerjaan baharu telah berjaya diwujudkan hasil pelaburan-pelaburan tersebut.

Visi utama dalam pembangunan keusahawanan adalah untuk mewujudkan penyelarasan serta memupuk kerjasama dan sinergi di antara jabatan, agensi dan pemegang taruh dalam menjamin dan memastikan persekitaran yang menyokong dan mendokong usaha dan inisiatif keusahawanan di setiap peringkat di Pulau Pinang dapat direalisasikan.

Seterusnya, antara misi yang ingin dicapai adalah untuk mengenal pasti penyelesaian kepada isu dan masalah yang dihadapi berkaitan pembangunan keusahawanan serta menyelaras khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada usahawan melalui kerjasama pelbagai agensi. Program-program keusahawanan yang boleh menghasilkan pencapaian impak tinggi diharapkan dapat membina usahawan yang berdaya saing, kreatif dan mampu bertahan mengharungi cabaran perniagaan dalam era yang semakin mencabar ini sekali gus meningkatkan dan mengembangkan perusahaan ke peringkat yang lebih tinggi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

15. Pembelaan harus diberikan bagi meningkatkan infrastruktur dan pembangunan ekonomi luar bandar. Apakah bajet-bajet tambahan yang telah dimohon melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang mempunyai pelbagai agensi di bawahnya agar manfaatnya dapat dikecapi oleh warga luar bandar negeri ini?

**YB RASHIDI BIN ZINOL**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah memperuntukkan RM3.5 juta pada tahun 2024 bagi pelaksanaan projek khususnya di Negeri Pulau Pinang. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut:

(i) Jalan Perhubungan Desa sebanyak RM 1 juta;
(ii) Program Ameniti Sosial sebanyak RM 2 juta; dan
(iii) Jalan Ladang sebanyak RM500,000.00.

Selain itu, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi setiap EXCO Luar Bandar semasa Mesyuarat Penyelarasan antara Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Dengan Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) Bilangan 2 Tahun 2023. Sehubungan itu, sebanyak lima (5) projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dengan jumlah peruntukan RM190,000.00 dan 7 projek di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) bagi menaik taraf longkang dan surau yang melibatkan peruntukan RM310,000.00 telah diluluskan di bawah

Exco Luar Bandar Pulau Pinang dan projek tersebut sedang dalam proses pelaksanaan.

Projek pembangunan JPD dan PAMS tersebut bakal memberikan manfaat langsung kepada lebih 10,000 orang penduduk di sekitar kawasan Seberang Perai Selatan dan sekaligus memberikan keselesaan perhubungan kepada penduduk luar bandar.

Terkini, peruntukan pembangunan bagi Exco-Exco Luar Bandar telah dinaikkan kepada RM750,000 untuk tahun 2024 dan peruntukan tersebut telah diluluskan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah semasa Mesyuarat Penyelarasan antara Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Dengan Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) Bilangan 1 Tahun 2024 yang telah diadakan pada 10 Mei 2024 di Kota Kinabalu, Sabah. Peruntukan ini diluluskan bertujuan memastikan penduduk luar bandar sentiasa mendapat manfaat daripada program yang dirancang kerajaan.

Laporan ringkas pelaksanaan projek dan program di bawah KKDW bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 adalah seperti berikut:

(a) **Pelaksanaan Projek Pembangunan Bagi Negeri Pulau Pinang Tahun 2023**

Sebanyak 26 projek JPD telah dilaksanakan di negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1,588,000.00. Manakala sebanyak lima (5) projek PAMS telah dilaksanakan dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM800,000.00.

Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi turut dilaksanakan di negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 dengan kos peruntukan sebanyak RM780,600.00. Projek BALB tersebut merangkumi penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah di kawasan luar bandar yang belum mendapat bekalan air bersih dan terawat. Projek tersebut secara tidak langsung berjaya mengatasi masalah bekalan air bersih di beberapa tempat di daerah Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara.

(b) **Jalan Luar Bandar (JALB): Jalan Baru dari Bagan Sg. Pinang ke Kg. Pulau Betong, Balik Pulau, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang**

Projek jalan ini dibina bertujuan untuk membina jalan baru menghubungkan Jalan Bagan Sungai Pinang ke Kampung Pulau Betong daripada jalan tidak berturap kepada jalan berturap dengan jarak keseluruhan 10km. Projek pembinaan ini turut melibatkan pembinaan dua (2) buah jambatan baru.

Projek yang menelan belanja sebanyak RM82,550,046.49 ini telah bermula dilaksanakan pada 4 Mei 2018 dan siap sepenuhnya pada 3 November 2023. Pelaksanaan projek ini menjadi manifestasi keprihatinan Kerajaan Persekutuan demi manfaat kepada seluruh rakyat negeri Pulau Pinang. Impak pelaksanaan projek ini adalah dapat memberi alternatif kepada penduduk dan pengguna jalan raya dengan mempercepatkan tempoh perjalanan dan keselesaan akibat aliran trafik yang bertambah hasil pembangunan pesat di daerah Barat Daya.

(c) **Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)**

Peruntukan di bawah KKDW bagi Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi tahun 2024 khususnya di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM 7 juta. Peruntukan tersebut merangkumi pembinaan rumah baharu membabitkan dana RM3 juta dan membaik pulih rumah dengan dana RM4 juta. Peruntukan PPRT bagi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM2,772,000.00 bagi pembinaan 42 unit rumah baharu, manakala peruntukan sebanyak RM3,750,000.00 bagi membaik pulih 250 unit rumah.

(d) **Lampu Jalan Kampung (LJK)**

Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) bagi Tahun 2022/2023 turut memperuntukkan kuota sebanyak 796 unit Lampu Jalan Kampung (LJK) bagi seluruh negeri Pulau Pinang.

(e) **Geran Bantuan Dan Kemudahan Pembiayaan Perniagaan Kepada Usahawan Luar Bandar**

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyediakan peruntukan berjumlah RM164,140.00 pada tahun 2023 bagi negeri Pulau Pinang di bawah geran Program Sokongan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB). Daripada jumlah peruntukan tersebut, seramai 33 orang usahawan luar bandar telah menerima manfaat dalam bentuk bantuan pembelian mesin, peralatan, modal pusingan dan baik pulih premis perniagaan. Sementara itu, sehingga Mei 2024, seramai 7 orang usahawan luar bandar telah menerima kemudahan sokongan ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM35,000.00.

(f) **Program Peningkatan Pendapatan (PPP)**

Peruntukan sebanyak RM830,000.00 telah disalurkan bagi tujuan pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi tahun 2023 sehingga Mei 2024. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM540,000.00 diperuntukkan bagi tahun 2023 dan telah memberi manfaat kepada 54 orang peserta. Sementara pada tahun 2024 sehingga bulan Mei, peruntukan sebanyak RM290,000.00 telah digunakan dan seramai 29 orang mendapat manfaat menerusi program ini. Menerusi PPP, peserta akan menerima bantuan peralatan dan latihan dengan kos maksimum sehingga RM10,000 seorang bagi membantu mereka menjalankan perniagaan, seterusnya meningkatkan pendapatan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

16. Senaraikan perancangan infrastruktur baharu yang telah dimohon dana dari Kerajaan Persekutuan termasuk untuk pembinaan *flyover* baharu, pembesaran jalan sedia ada, jambatan-jambatan baharu, penukaran lampu solar.

    (a) Nyatakan kedudukan terkini tindakan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas Juru ke Sungai Dua melintasi kawasan Seberang Jaya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Perancangan infrastruktur baharu yang telah dimohon dana dari Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan *flyover* baharu, pembesaran jalan sedia ada, jambatan-jambatan baharu, penukaran lampu solar adalah seperti berikut:

    (i) Pelebaran Jalan Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan;

    (ii) Pelebaran Jambatan Batu Kawan, Seberang Perai Selatan;

    (iii) Pelebaran Jalan Persekutuan dari dua (2) lorong dua (2) hala kepada empat (4) lorong dua (2) hala bermula dari Taman Belibis hingga Taman Suria, Seberang Perai Selatan;

    (iv) Pelebaran Jalan Paboi, Seberang Perai Selatan;

    (v) Menaiktaraf jalan dari persimpangan Jalan Bukit Tengah dengan Jalan Bukit Minyak 2 hingga persimpangan Jalan Bukit Minyak dengan Jalan Kota Permai, Seberang Perai Tengah;

(vi) Menaiktaraf persimpangan Jalan Rozhan, Jalan Alma dan Jalan Seladang, Seberang Perai Tengah;

(vii) Menaiktaraf Jalan Kampung Besar menjadi jalan tunggal dua hala berspesifikasi JKR, Seberang Perai Tengah;

(viii) Menaiktaraf Jalan Kulim, Seberang Perai Tengah;

(ix) Menaiktaraf Jalan Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah;

(x) Pembinaan jambatan Byram, Seberang Perai Selatan;

(xi) Pembinaan *Penang Third Link* dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam;

(xii) Pembinaan *directional ramp* di persimpangan Bulatan Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah;

(xiii) Pelebaran dan pelaksanaan *diverging diamond interchange* di Jalan Kebun Nenas, Juru, Seberang Perai Tengah;

(xiv) Pembinaan lebuhraya bertingkat dari Juru ke Sungai Dua;

(xv) Pembinaan lebuhraya *bypass* dari Jambatan Kedua ke Kepala Batas;

(xvi) Pembinaan lebuhraya koridor utara dari Batu Kawan ke Bandar Baharu, Kedah;

(xvii) Pembinaan Jalan Bawah *(Underpass)* Untuk Menghubungkan Jalan Mount Erskine Ke Jalan Burma Di Persimpangan Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal Seksyen A: Jalan Bawah *(Underpass);*

(xviii) Projek Menaik Taraf Aliran Lalulintas Di Kawasan Komtar Dan Sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari Gat Lebuh Cecil ke Pengkalan Weld, Pulau Pinang;

(xix) Menaik Taraf Persimpangan Jalan Kelawai / Jalan Tanjong Tokong / Jalan Bagan Jermal Dan Pembinaan *Underpass* Dari Jalan Kelawai Ke Jalan Tanjong Tokong; dan

(xx) Cadangan Pembinaan Laluan Basikal Di Persisir Pantai Dari Hotel Flamingo, Tanjong Bungah sehingga Hotel Rasa Sayang Batu Feringghi (Ecodeck).

(a) Pihak PLUS telah membentangkan cadangan Lebuhraya bertingkat dari Plaza Tol Juru hingga Plaza Tol Sungai Dua di dalam Mesyuarat Kick-Off: Lebuh Raya Juru - Sungai Dua yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri pada 20 Februari 2024.

Susulan daripada itu, pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia telah mengadakan mesyuarat penyelarasan dan **kick-off** berhubung dengan Kerja Pengumpulan Data Trafik Secara Automatik Laluan E1 Plaza Tol Juru Ke Plaza Tol Sungai Dua pada 22 April 2024. Seterusnya, pihak KKR turut menubuhkan Pasukan Khas bagi Kajian Kesesakan Lalulintas Dari Plaza Tol Juru Ke Plaza Tol Sungai Dua (E1) Dan Kawasan Sekitar. Mesyuarat teknikal bagi kajian ini juga telah diadakan pada 20 Mei 2024 dan pihak konsultan yang dilantik oleh KKR telah membentangkan mengenai hasil dapatan pengumpulan data trafik tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

17. Nyatakan status projek LRT yang telah diluluskan dan bilakah rakyat dapat melihat cadangan penuh laluan LRT termasuk ke Seberang Perai?

    (a) Nyatakan juga lokasi stesen-stesen LRT yang dicadangkan di bahagian Pulau dan di Seberang Perai.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kos Projek LRT Pulau Pinang Laluan Mutiara akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

    Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

    MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan Pemeriksaan Awam untuk Segmen 2 iaitu dari Komtar ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke Komtar tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

    Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025.

    Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

(a) Terdapat 21 stesen di sepanjang laluan Bayan Lepas dan satu (1) stesen di Penang Sentral untuk menghubungkan penduduk di bahagian Seberang Perai ke bahagian Bayan Lepas. Jajaran Laluan Mutiara akan melalui kawasan yang padat seperti Bayan Lepas, Bayan Baru, Sungai Dua, Gelugor and Georgetown. Perincian lokasi stesen dalam peringkat pemuktamadan.

Komtar dirancang untuk menjadi stesen pertukaran utama di masa hadapan untuk sambungan untuk laluan ke Tanjong Bungah dan Air Itam. Laluan Mutiara akan merentasi laut dari stesen KOMTAR ke stesen Penang Sentral.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

18. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan fasiliti untuk program-program kebudayaan dan kesenian berskala kecil, sederhana dan besar?

**YB WONG HON WAI**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri mempunyai fasiliti-fasiliti yang boleh disewa untuk kegunaan aktiviti kesenian seperti Dewan Seri Pinang, Kompleks Masyarakat Penyayang, Auditorium di KOMTAR dan premis-premis lain bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan. Semua premis ini boleh ditempah melalui sistem tempahan setiap agensi.

    Selain itu, pusat konvensyen utama negeri Pulau Pinang seperti SPICE dan PICCA juga menawarkan alternatif sebagai lokasi penganjuran program-program kebudayaan dan kesenian di negeri ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

19. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memberi pendedahan dan galakan kepada anak muda dan dengan gabungan input warga seni dan budaya bagi merealisasikan sumber perniagaan dalam bidang industri kreatif / budaya seperti yang dapat kita lihat dari Indonesia, China dan lain-lain?

**YB WONG HON WAI**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui George Town World Heritage Incorporated akan melaksanakan beberapa projek iaitu:

    (i) *Cultural Heritage Hub* (CH2); dan

    (ii) *George Town Heritage Research, Education and Learning International Centre* (GTH-RELIC) bagi membangunkan industri kreatif, seni, dan kebudayaan di bandar George Town.

    Pelaksanaan projek *Cultural Heritage Hub* (CH2) melibatkan pemuliharaan bangunan warisan kategori II dan membangunkannya sebagai pusat warisan kebudayaan dan pembangunan ekonomi kreatif. Pusat ini bakal berfungsi sebagai ruang penglibatan dan pemerkasaan industri kreatif dalam kalangan usahawan muda di Penang.

    Pelaksanaan projek *George Town Heritage Research, Education and Learning International Centre* (GTH-RELIC) melibatkan pembaikan dan pemuliharaan gudang No. 161, 163 di Lebuh Victoria dan *allotment* No. 219 di Lebuh Pantai bagi tujuan penggunaan

semula adaptif iaitu penubuhan pusat pembelajaran warisan yang pertama di Pulau Pinang dan Malaysia.

Pelaksanaan kedua-dua projek ini disandarkan kepada tiga matlamat utama iaitu:

(i) **Pemerkasaan ruang**

Kedua-dua projek ini menyasarkan kepada pembinaan dan penyediaan ruang sebagai medium penting bagi penglibatan terbuka daripada semua pemegang taruh, pihak berkepentingan serta individu awam di bandar George Town. Penyediaan ruang interaktif seperti di CH2 bakal menjadi medium menarik bagi penganjuran bengkel, seminar, latihan dan sebagainya, di samping menggalakkan interaksi berkesan antara individu yang menggunakan ruang tersebut. Dalam hal GTH-RELIC pula, pembangunan ruang ini dijangka dapat memberi nafas baharu kepada enklaf Lebuh Victoria melalui kerancakan penganjuran aktiviti dan program berasaskan warisan dan kebudayaan.

(ii) **Peningkatan kesedaran tentang Tapak Warisan Dunia George Town**

Kedua, aspek tumpuan bagi program-program yang bakal dijalankan di kedua-dua ruang kolaboratif ini adalah pendidikan dan latihan khususnya terhadap elemen warisan kebudayaan serta aspek-aspek warisan lain yang berkaitan. Program-program di bawah komponen ini khusus menyasarkan golongan muda (pelajar sekolah/universiti, usahawan, profesional, penggerak masyarakat) dan masyarakat awam umumnya melalui aktiviti dan pameran. Penubuhan *George Town UNESCO World Heritage Site Interpretive Centre* di CH2 bakal menjadi pusat sehenti bagi bahan-bahan berkaitan unsur warisan yang menyumbang kepada Nilai Keunggulan Sejagat bandar George Town, serta pelbagai unsur lain yang membentuknya.

(iii) **Memangkin kerjasama rentas bidang.**

Ketiga, penyediaan ruang dan program berkaitan seumpama ini berpotensi untuk membuka peluang kerjasama rentas sektor khususnya dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebudayaan. Di samping itu, ruang

kolaboratif yang memberi tumpuan terhadap komponen pembangunan industri ekonomi kreatif dijangka bakal merancakkan proses pertukaran idea, jalinan kerjasama antara pemain industri serta pemberdayaan pelapis-pelapis baharu yang dapat meningkatkan *output* ekonomi kreatif di Pulau Pinang. Selain itu, program pendidikan yang bakal dijalankan di GTH-RELIC di bawah empat komponen utama iaitu *Interpretation Centre, Heritage Lab, Heritage Materials Bank dan Cultural Heritage Embassy* membuka ruang penglibatan besar bagi golongan muda khususnya pelajar sekolah untuk berinteraksi dengan komuniti setempat, profesional, penggerak masyarakat dan sebagainya. Interaksi sebegini dapat menjadi inspirasi bagi agenda pemuliharaan warisan yang mampan di masa depan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

20. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, banyak golongan bukan sahaja miskin tegar dan B40, tetapi terdapat juga golongan terpinggir yang perlu perhatian. Apakah persediaan Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat yang terkesan dapat dibantu sama ada melalui apa-apa peruntukan atau inkubator pemulihan agar mereka dapat segera keluar dari tekanan hidup yang dihadapi?

**YB LIM SIEW KHIM**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai pendekatan dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

    (a) Menyalurkan bantuan kewangan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Bantuan-bantuan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini merangkumi Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) secara bulanan manakala bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar dan Bantuan Alat Tiruan/Alat Sokongan;

    (b) Memberi bantuan kewangan secara bulanan melalui Program BAES untuk membantu dan membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am JKM yang dijenamakan semula daripada Program Agenda Ekonomi Saksama (AES). Setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan penerimaan BAES akan dibayar pada kadar antara

RM100.00 (minimum) sehingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan;

(c) Melaksanakan Program *2 Years Exit Programme* (2YEP) kepada penerima-penerima bantuan JKM yang layak. Program yang berkonsepkan kebajikan produktif ini menyediakan peserta program ke arah kehidupan yang lebih berdikari agar tidak bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup selain mewujudkan peluang penjanaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta program;

(d) Mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan;

(e) Melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada;

(f) Menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikro kredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka;

(g) Menyediakan kemudahan pinjaman kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani dan nelayan dalam golongan B40 khususnya untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun; dan

(h) Memberi bantuan makanan kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti termasuklah golongan miskin. Program yang dinamakan sebagai Program Mutiara Foodbank ini berkonsepkan pengagihan semula makanan yang diselamatkan dan masih boleh dimakan dari pelbagai pasar raya sekitar Pulau Pinang kepada penerima manfaat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

21. Di dalam sebuah negeri berbilang kaum, keharmonian masyarakat majmuk hanya akan tercapai apabila setiap kaum memahami dan menghormati adat budaya dan pengamalan sesuatu kaum. Apakah inisiatif yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat tersebut pada tahun 2023 dan nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan setakat ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Pulau Pinang dalam mempromosikan keharmonian kaum di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Mengambil tindakan secara berhemah dengan menggalakkan keharmonian agama dan persefahaman di kalangan penganut -penganut agama;

(ii) Pendekatan dialog persefahaman agama untuk memupuk persefahaman agar tidak berlaku kesalahfahaman yang boleh menimbulkan isu kaum. Misalnya, melaksanakan Program Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 9 Mac 2024 di Dewan Milenium, Kepala Batas yang dirasmikan oleh YB Dato Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara; dan

(iii) Penganjuran Forum Perdana sempena Program MADANI Rakyat yang diadakan pada 3-5 Mei 2024. Program ini turut diserikan dengan program kerohanian melalui Forum Perdana yang bertajuk “HARMONI BANGSA, SAKSAMA BERSAMA”.

Antara inisiatif lain dalam mengukuhkan keharmonian masyarakat majmuk di negeri ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd.* (HARMONICO) bertujuan menjadi *platform* untuk membincangkan isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan nasional serta mencari jalan penyelesaian yang konklusif dan komprehensif. Di samping itu, peranan HARMONICO juga adalah membincangkan isu-isu agama selain Islam bagi meningkatkan persefahaman dan mencari jalan penyelesaian terbaik terhadap isu-isu agama yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat di Negara ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

22. Dalam keadaan kehidupan sukar yang dihadapi oleh warga bandar dan pinggir bandar, bolehkah Kerajaan Negeri terutamanya PBT memberi peluang kepada peniaga kecil untuk dibantu diberikan lesen dan diwujudkan satu sekretariat khas bagi mengkaji syarat-syarat yang lebih longgar untuk kelulusan pihak PBT dan Kerajaan Negeri agar dipermudahkan urusan niaga?

**YB H'NG MOOI LYE**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri memandang serius dan peka dengan kesukaran hidup warga bandar mahupun pinggir bandar dalam meningkatkan sumber pendapatan bagi menanggung kehidupan di Negeri Pulau Pinang terutamanya peniaga-peniaga kecil.

Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mewujudkan sekretariat khas bagi mengkaji syarat-syarat yang lebih longgar dalam kelulusan pemberian lesen perniagaan kepada peniaga kecil memandangkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mempunyai inisiatif bagi membantu memudahkan peniaga kecil dalam mendapatkan lesen perniagaan iaitu seperti berikut:

(a) Mewujudkan garis panduan yang berkaitan dan boleh diakses melalui laman web PBT untuk dijadikan panduan kepada peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan;

(b) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT

melalui sesi temu duga ruang niaga yang diadakan pada setiap bulan;

(c) Memberi taklimat dan sesi konsultasi kepada peniaga di tapak;

(d) Mengadakan Program Mesra Pelanggan yang dikenali "Santai Peniaga" bagi membantu peniaga-peniaga untuk menukarkan konsep/bentuk perniagaan kepada trak makanan dengan menyelaras perjumpaan peniaga-peniaga bersama agensi kewangan berkaitan dan penyedia trak makanan;

(e) Mensyaratkan kepada mana-mana pemajuan baharu di Negeri Pulau Pinang berkenaan keperluan menyediakan ruang niaga di lokasi yang strategik berdasarkan keperluan di sesuatu lokaliti;

(f) Mewujudkan lokasi penempatan semula peniaga bagi lokasi-lokasi yang bersesuaian dan tidak menimbulkan halangan dan kacau ganggu kepada orang awam;

(g) Memberi khidmat nasihat semasa penyerahan notis terhadap penjaja tanpa lesen;

(h) Menyediakan pelbagai lesen bagi membantu peniaga kecil menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan-kawasan yang diluluskan seperti lesen gerai sementara bermusim semasa sambutan perayaan dan buah-buahan bermusim;

(i) Mengeluarkan lesen bagi menganjuran pasar malam di kawasan bandar dan luar bandar; dan

(j) Membangunkan sistem kelulusan lesen perniagaan secara dalam talian yang dapat memberikan kelulusan dalam tempoh 24 jam sekiranya permohonan lengkap diterima.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

23. Nyatakan secara terperinci mengikut DUN dan tajuk program serta jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan pada tahun 2023 sehingga April 2024 oleh kesemua Jawatankuasa Belia Pulau Pinang.

**YB GOOI ZI SEN**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Jawatankuasa Belia Pulau Pinang telah melaksanakan 161 program dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM336,594.17 bagi tempoh Januari 2023 sehingga April 2024. Maklumat terperinci bagi program-program tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

# LAMPIRAN A

## SENARAI PROGRAM JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG (JBPP) TAHUN 2023

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **N01 Penaga** | Festival E-Sukan JBPP Penaga | 30 Dec 2023 | Dewan Dato' Hj Ismail Che' Chik | 96 | 10,000.00 |
| **N02 Bertam** | Pertandingan Karom Tertutup | 15 Jan 2023 | Pertandingan Karom Tertutup | 30 | - |
| | Kursus Asas Roti Dan Pastri (Korean Garlic Bread Dan Mini Cheese Tart) | 19 March 2023 | Bilik Masakan, Kolej Komuniti Kepala Batas (KKKB) | 20 | 2,100.00 |
| | Liga Sepak Penalti Ahli Majlis MBSP Tertutup Kepala Batas Tahun 2023 | 19 March 2023 | Padang Mardi, Paya Keladi, Kepala Batas | 180 | 2,000.00 |
| | Tayangan Wayang Percuma Filem Anwar : The Untold Story | 21 Mei 2023 | Cineplex Sunshine Bertam | 185 | - |
| | Kursus Penyelenggaraan & Baik Pulih Penghawa Dingin | 10 & 11 Jun 2023 | Kolej Komuniti Tasek Gelugor (Kampus Kampong Selamat) | 18 | 2,500.00 |
| | Pertandingan Memancing Parit 2023 | 18 Jun 2023 | Tali Air, Kampung Permatang Pak Elong | 100 | 1,400.00 |
| | Pertandingan Badminton 2023 | 23 Jul 2023 | Dewan Pasar Awam Permatang Manggis Kepala Batas | 20 | 2,000.00 |
| **N03 Pinang** | Kenduri Sepak Raga Tuju Komuniti Kampung Pinang | 21 Jan | Ladang Kelapa | 200 | 3,240.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tunggal** | Tunggal | 2023 | Sawit Kg Lebah Raja | | |
| | Liga Sepak Penalti Ahli Majlis MBSP Tertutup Kepala Batas | 19 Mar 2023 | Padang Mardi, Paya Keladi, Kepala Batas | 200 | 2,000.00 |
| | Program Jalinan Insan Wahana Aspirasi (JIWA) "Mengimbau Nostalgia Rakyat" | 9 Jul 2023 | Dewan Mpkk Kubang Menerong | 1000 | - |
| | Sambutan Hari Kemerdekaan (Kibarkan Jalur Gemilang) | 31 Aug 2023 | Pusat Penang 2030, Paya Keladi | 500 | 4,710.00 |
| **N04 Permatang Berangan** | Perlumbaan Kereta Kawalan Jauh Di Litar Tasek Gelugor RC Offroad Raceway | 25 Feb 2023 | Lot 3761, Mukim 12, Seberang Perai Utara, 13310 Tasek Gelugor, Pulau Pinang | 50 | 2,000.00 |
| | Jamuan Aidilfitri PPK Permatang Berangan Bersama JPWK, JBPP & Amanah Kawasan Tasek Gelugor | 20 May 2023 | Dewan Muhammad Haji Muhammad Taib Tasek Gelugor | 3000 | 3,500.00 |
| | Bengkel Penjagaan Kulit & Kerjaya Kecantikan Secara Profesional | 18 November 2023 | Pusat Perniagaan Pokok Sena | 20 | 3,140.00 |
| **N07 Sungai Puyu** | Sungai Puyu Youth Cup Badminton Championship 2023 | 30 July 2023 | OSK Sport Centre & Badminton Academy | 64 | - |
| | The 14th Moon Viewing Mid-Autumn Festival At Tow Boo Kong Temple Butterworth | 29 September 2023 | Rumah Berhala Tow Boo Kong Butterworth | 1000 | 480.00 |
| | Textured Paint Workshop | 1 October | Pusat Belia | 20 | 500.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | KADUN Sungai Puyu | | |
| | Halloween Costume Party & Night Market | 28 October 2023 | Dewan Terbuka Pertubuhan Penganut Dewa Kim Suah Pek Kong Taman Segemal | 1000 | 6,300.00 |
| | Bagan Youth Christmas Party<br>**kolaborasi bersama JBPP Bagan Jermal & JBPP Bagan Dalam* | 16 December 2023 | Butterworth Digital Library | 120 | 2,200.00 |
| | Parti Krismas Bersama Peserta Kelas Tarian | 17 December 2023 | Pusat Belia KADUN Sungai Puyu | 50 | 500.00 |
| | Pameran Undi 18 | 4 & 5 Feb 2023 | Rumah Berhala Guan Yin Ying Dou Mu Gong | 300 | - |
| | Pertandingan Bola Tampar Jemputan U-17 Tahun 2023 | 9 & 10 Mar 2023 | Gelanggang Berbumbung Taman Dahlia | 300 | - |
| | We Care Education Fair 2023 | 25 & 26 Mar 2023 | Butterworth Arena, Butterworth, Pulau Pinang | 500 | 3,220.00 |
| | Pertandingan Bowling Tahun 2023 | 16 Apr 2023 | Pacific Megamall | 192 | - |
| **N08 Bagan** | Kelas Tuiyen Bahasa Malaysia | Apr - Aug | Pusat Penang | 30 | - |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | (Every Sunday) | 2030, Butterworth, Pulau Pinang | | |
| | Pertandingan E-Sport Belia Battle Legend | 18 Jun 2023 | Pusat Belia Bagan Jermal | 124 | 4,050.00 |
| | Bagan Youth Christmas Party | 16 | Butterworth Digitla | - | - |
| Jermal | *kolaborasi bersama JBPP Sungai Puyu & JBPP Bagan Dalam* | December 2023 | Library | | |
| | Badminton Friendly Match | 25 November 2023 | Dewan SJKC Chung Hwa 2 | 48 | 2,248.56 |
| | Program Kesedaran CPR & AED | 9 Disember 2023 | Dewan SJKC Chung Hwa 2 | 100 | 1,070.00 |
| **N09 Bagan Dalam** | Bagan Youth Christmas Party *kolaborasi bersama JBPP Sungai Puyu & JBPP Bagan Jermal* | 16 December 2023 | Butterworth Digital Library | - | 6,668.89 |
| | Edaran Bubur Lambuk | 6 Apr 2023 | Masjid Sembilang, Seberang Jaya | 1500 | 3,000.00 |
| | Ziarah Kasih Dan Sumbangan Raya 2023 | 16 Apr 2023 | Seluruh Seberang Jaya | 40 | 4,000.00 |
| | Pemantapan Kepimpinan Sukarelawan | 26-28 May 2023 | | 20 | 3,000.00 |
| **N10 Seberang Jaya** | Pertandingan Esports Seberang Jaya | 22 Julai 2023 | Astaka Bandar Perda | 150 | - |
| **N11** | Photo Booth Belia Permatang Pasir | 4 May 2023 | Dewan Orang | 100 | 1,000.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| Permatang Pasir | | | Ramai Permatang Pasir | | |
| | Program Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2023 | 6 May 2023 | Dewan Orang Ramai Permatang Pasir | 100 | 2,000.00 |
| | Konvoi Belia Permatang Pasir 2023 | 21 May 2023 | Dewan Orang Ramai Pematang Pasir | 150 | 1,000.00 |
| | Santai Hujung Minggu Wayang Cemei Filem Anwar: The Untold Love | 28 May 2023 | GSC Sunway Carnival Mall | 100 | 1,000.00 |
| | Pertanding Bola Sepak 9 Sebelah Piala Faiz Fadzil | 9 July 2023 | Padang Kampung Kota, Permatang Pasir | 90 | 3,000.00 |
| | Program Townhall Belia Permatang Pasir | 15 July 2023 | Dewan Orang Ramai Permatang Pasir | 100 | 2,000.00 |
| | Program Tukar Minyak Hitam Moto | 28 Jan 2023 | Simpang Tiga Mengkuang Semarak | 162 | 2,620.00 |
| | Program Sukan Rakyat Kuala Mengkuang #BeliaBenciDadah | 25 Feb 2023 | Padang Kuala Mengkuang | 100 | 2,350.00 |
| | Program Jamuan Hari Raya JBPP Penanti 2023 JBPP | 5 May 2023 | Dewan Taman Guar Perahu | 100 | 3,024.00 |
| | Program Tayangan Screen Besar Final UCL 22/23 Manchester City vs Inter Milan | 11 Jun 2023 | Kedai Makanan Kort Burger Berhadapan SK Penanti | 60 | 500.00 |
| N12 Penanti | Program Tayangan Big Screen Friendly Malaysia Vs India | 13 Oct | Kedai Makan | 60 | 500.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | Tomyam Berdekatan Masjid Kubang Ulu | | |
| | Bengkel Makeup Asas Tahun 2023 | 18 Nov 2023 | Dewan Taman Guar Perahu | 40 | 1,006.00 |
| N13 Berapit | Program Belajar Hujung Minggu Ramah | 1 Apr 2023 | Dewan Orang Ramai Perkampungan Berapit Gelanggang Bola Keranjang Berbumbungan Perkampungan Berapit | 55 | - |
| | Pertandingan Ping Pong Piala Belia Berapit | 25 Jun 2023 | Dewan SJK(C) Perkampungan Berapit | 100 | 5,530.00 |
| | Macam-Macam Berapit | 9 Dec 2023 | Pasar Malam Kampung Baru | 3000 | 4,460.00 |
| N14 Machang Bubuk | Program Kembali Ke Sekolah 2023 | 4 Mar 2023 | Dewan Orang Ramai Cherok Tokun | 60 | 1,650.00 |
| | Program Career Fair with JBPP Machang Bubuk | 25 Jun 2023 | Dewan Taman Alma Jaya | 250 | 2,185.00 |
| | Santai Bowling Perpaduan 2023 | 18 Nov 2023 | Ole Ole Superbowl Mydin | 40 | 3,340.00 |
| | "Madani Cup 9s" 2023 | 16 Dec | Padang Bola | 192 | 2,825.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | Cherok Tokun | | |
| N15 Padang Lalang | Pertandingan Futsal Sosial Team Invited 2023 | 5 Mar 2023 | Jesselball Sport Centre, Taman Selamat, Bukit Mertajam | 84 | - |
| | JOM Memancing Padang Lalang | 26 Mar 2023 | Kolam Teratai, Taman Seri Rambai | 30 | - |
| | Padang Lalang Family Walk | 25 Jun | Padang Kota Permai | 1000 | - |
| | Padang Lalang Badminton Fun | 10 Jul 2023 | Dewan Kota Permai | 50 | - |
| | Penang's Future Talk | 23 Jul 2023 | Dewan MPKK Taman Seri Rambai Fasa 1 | 60 | - |
| | Bukit Mertajam Cultural Talk | 9 Ogos 2023 | Heritage Walk, Bukit Mertajam | 50 | - |
| | Program Mesra Kalangan Murid2 Pelbagai Bangsa & Agama Sempena Perayaan Pesta Tanglung | 06 Oct 2023 | SJKC Keow Kuang | 500 | 3,125.00 |
| | Klinik Bola Keranjang | 16 Dec 2023 | Gelanggang Bola Keranjang Kota Permai | 50 | 4,640.00 |
| | | | | | |
| N16 Perai | Program Bersama Rakyat | 17 Jun 2023 | Dewan Serbaguna, Taman Chai Leng | 600 | 10,000.00 |
| N18 Bukit Tambun | Jom Hiking Bukit Kawan! Love Penang | 8 July 2023 | Bukit Batu Kawan | 191 | 7,500.00 |
| N19 Jawi | Pertandingan Badminton | 29 Apr | Dewan Chong | 30 | 5,000.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | Kuang, Sungai Bakap | | |
| | Kejohanan Bola Keranjang 3x3 | 10 Dec 2023 | Gelanggang Bola Keranjang, Kampung Jawi | | 5,000.00 |
| | Konvoi Gelombang Perpaduan 2023 | 18 Jun 2023 | Dewan Futsal Pearl City, Bandar Tasek Gelugor | 100 | 7,400.00 |
| | Kejohanan E-Sports DUN Sungai Bakap | 6 Aug 2023 | Gelanggang Futsal Pearl City, Bandar Tasek Mutiara | 100 | - |
| **N20 Sungai Bakap** | Majlis Jamuan Deepavali | 19 Nov 2023 | Tapak Parking C-Mart, Bandar Tasek Mutiara | 100 | 2,600.00 |
| | Program Anak Muda Harapan Negara (Santai Badminton) | 4 Mar 2023 | Dewan MPKK Simpang Tiga | 30 | 1,930.00 |
| | Program Jahitan Mini Sejadah Dan Sarung Bantal | 18 Mar 2023 | Dewan Tanjung Berembang | 40 | 2,490.00 |
| | Program Edaran Bubur Lambuk | 8 & 9 Apr 2023 | Pekan Sungai Acheh & Taman Pekaka | 600 | 1,800.00 |
| | Pertandingan Karom Tertutup DUN Sungai Acheh | 4 Jun 2023 | Dewan MPKK Simpang Tiga | 50 | 1,780.00 |
| **N21 Sungai Acheh** | Karnival Kerjaya Belia Madani | 11 Jun 2023 | Dewan SMK Sungai Acheh | 300 | 2,000.00 |
| **N22 Tanjong** | Tufting Workshops | 25 Feb | 118-M-20 Island | 50 | 2,507.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bunga** | | 2023 | Plaza, 10470 Tanjung Bunga, Pulau Pinang | | |
| | Program Derma Darah | 30 Apr 2023 | Lotus Sri Tg. Pinang | 500 | - |
| | Kelas Terrarium | 6 May 2023 - 7 May 2023 | Pusat Khidmat Kadun Tanjung Bunga | 60 | - |
| | Rock The Merdeka | 27 Aug 2023 | Casa Permai Central Park, Tanjung Bunga | 119 | - |
| | Urban Farming | 24 Sep 2023 | Taman Enzyme, 2 Tanjung Park 1, Tanjung Tokong, 11200 Tanjung Bunga | 10 | - |
| | Tye & Dye | 28 Oct 2023 | Pusat Khidmat Kadun Tanjung Bunga | 25 | - |
| | Batik Paiting | 8 Nov 2023 | Pusat Khidmat Kadun Tanjung Bunga | 15 | 1,300.00 |
| | Potter' Touch | 3 Dec 2023 | Penang Pottery Centre | 24 | 4,060.00 |
| **N23 Air Putih** | Air Putih Community Building Internal Training | 3 Feb 2023 | Pusat Penang 2030 Air Putih | 8 | 499.91 |
| | Civic Education Tuition Class | Feb - September | Pusat Penang 2030 Air Putih | 293 | 4,956.60 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | Debate Show Performance Watching | 15 & 16 Apr 2023 | Universiti Malaya | 12 | 1,708.39 |
| | Civic Education Community Class | Nov - Dec 2023 | Pusat Penang 2030 Air Putih | 80 | 2,860.60 |
| **N24 Kebun Bunga** | Program Karnival Jiwa Rakyat | 20 May 2023 | Flat Padang Tembak | 2000 | 10,000.00 |
| **N25 Pulau Tikus** | Youth Empowerment Camp: Igniting Voices, Inspiring Dreams | 15 July 2023-16 July 2023 | Mercure Hotel, Tanjung Bungah, Penang | 30 | 2,040.00 |
| **N26 Padang Kota** | Tufting DIY Workshop | 1 May 2023 | 29A-03-1, Maritime Suite KSD | 30 | 960.00 |
| | Unleashing The Power of Google drive & Workspace | 7 May 2023 | 90, Jalan Kedah, Georgetoen | 20 | 717.56 |
| | Program Pemerkasaan Belia & Program Kesedaran Untuk Komuniti 2023 | 26 November 2023 | The TOP | 79 | 7,900.00 |
| **N27 Pengkalan Kota** | Batik Painting Workshop | 20 May 2023 | Dewan Komuniti Lebuh Macallum | 30 | 1,814.00 |
| | JBPP Pengkalan Kota Youth Retreat | 30 - 31 Dec 2023 | Gunung Jerai, Kedah | 20 | 8,180.00 |
| **N28 Komtar** | Kempen Derma Darah Love Penang "Care And Love" | 11 Mar 2023 | Ground Floor, Main Hall, Prangin Mall | 500 | 1,000.00 |
| | Short Film With Hanchiang University College | Apr - Jul 2023 | Hanchiang University College | 200 | 3,000.00 |
| | Penang Wei Qi Workshop Proposal | 20 May - 10 and 12Jun 2023 | Kompleks Taman Harapan | 55 | 980.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | JBPP Mini Golf Fraternity 2023 | 20 Jun 2023 | De'8000 Mini Golf Cafe, 32 Jalan Green Hall, 10200 Georgetown, Pulau Pinang | 30 | 2,349.00 |
| | Sesi Perkongsian Kapal Layar Diraja Tunas Samudera | 09 Sep 2023 | | 28 | 703.10 |
| N30 Sungai Pinang | Sepak Takraw Tournament Cup of YB Rayer and YB Lim Siew Khim | 14 Jan 2023 | USM - Azman Hashim | 100 | 8,696.00 |
| | Board Game with You & Youth | 30 Dec 2023 | KOHII Board Game Cafe | 32 | 1,304.00 |
| N31 Batu Lancang | Tufting Workshop 2023 | 9 Apr 2023 | Olo Studio, Straits Garden Commercial Lot | 20 | 1,120.00 |
| | Jelutong Youth Bowling Friendly Match | 6 May 2023 | Penang Bowl Bowling | 25 | 703.00 |
| | Jelutong Youth Baking Workshop | 28 May 2023 | Bake In Garden by Artisan (Gurney Paragon) | 20 | 1,760.00 |
| | Back To Nature At Balik Pulau Event | 17 Jun 2023 | Balik Pulau | 35 | 4,667.00 |
| | Coffee Workshop 2023 | 3 Dec 2023 | Frank Laurent, Udini Sqaure | 30 | 1,750.00 |
| N32 Seri Delima | Jingle! Jangle! | 23 Dec 2023 | Jalan Gangsa Greenlane | 300 | 9,800.00 |
| N33 Air Itam | Youth E-Sport Tournament - Mobile Legend | 17 Jun 2023 | SJK(C) Kong Min Pusat | 80 | 2,005.00 |
| | Pasar Percuma | 1 Jul 2023 | Pusat 2030, Air | 76 | 2,307.90 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Itam | | |
| | Conquer Your Fear (Rock Climbing) | 16 Jul 2023 | Hangout Climbing Gym | 30 | 3,863.00 |
| | Kejohanan Bola Keranjang "Piala Pendidik" Ke-5 Peringkat Kebangsaan 2023 | 18 - 20 Dec 2023 | Gelanggang Bola Keranjang SM Chung Ling Persendirian | 256 | 1,824.10 |
| N34 Paya Terubong | Keselamatan Komuniti Tanggungjawab Bersama | 19 Mar 2023 | Dewan Komuniti Block 4B, Lorong Semarak Api | 100 | - |
| | Ceramah Keselamatan Komuniti | 21 May 2023 | Tingkat 5, Pasar Farlim | 100 | 2,758.00 |
| | Karnival Love Paya Terubong - Jom Saring Kesihatan | 28 May 2023 | Dewan Terbuka Taman Paya Terubong | 250 | 2,204.00 |
| | Jelajah Keselamatan Komuniti Tanggungjawab Bersama 2.0 | 18 Jun 2023 | Dewan MPKK, Relau | 100 | 1,540.00 |
| | Taklimat Pendidikan & Kerjaya "Education vs Employment : Making The Right Choice" | 25 Jun 2023 | Bangunan Hui Yin Seh | 100 | 1,500.00 |
| N35 Batu Uban | Kejohanan E-Sports | 4 Jun 2023 | AC Hotel By Marriot Penang | 150 | 5,000.00 |
| N36 Pantai Jerejak | SPM Quick Revision Seminar 2023 | 18 Feb 2023 | USM Hall Dewan Kuliah A | 82 | 2,090.00 |
| | We Care You Education Fair 2023 | 25 & 26 Mar 2023 | Butterworth Arena, Butterworth, Pulau Pinang | 500 | 1,006.03 |
| | Filial Piety Calligraphy Competition & Award Ceremony 2023 | 27 May 2023 | Suntech@Penang Cybercity | 200 | 2,100.00 |
| | Youth Team Building Camp 2023 | 25 Jun | Centre Of Marine & | 40 | 4,410.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | Costal Studies (CEMAS) | | |
| **N37 Batu Maung** | Batu Maung E-Sport Fifa Competition 2023 | 19 Feb 2023 | Digital Library, Batu Maung | 64 | 3,342.00 |
| | Karnival Madani @ DUN Batu Maung E-Sport Competition 2023 | 18 Jun 2023 | Batu Maung Foodies, Batu Maung | 150 | 2,740.00 |
| **N38 Bayan Lepas** | Sepak Penalti Belia Bayan Lepas | 29 Dec 2023 | Padang Bola SEpek Teluk Kumbar | 80 | 4,500.00 |
| | BBQ Belia Bayan Lepas #ENDOFYEAR | 29 Dec 2023 | Ombak Dmai Teluk Kumbar | | 5,000.00 |
| **N39 Pulau Betong** | Program Neon Run Balik Pulau 2023 | 4 Mar 2023 | Kompleks Pawar Awam, Balik Pulau, Pulau Pinang | 1000 | 3,200.00 |
| | Futsal Anak Kampung Sejahtera | 28 Jul 2023 / 4 Aug 2023 | Gelanggang Futsal MPKK Titi Teras | 100 | 1,000.00 |
| | Karnival Sukan Madani Balik Pulau | 5 & 6 Aug 2023 | Kompleks Sukan Balik Pulau / Padang Bola Kongsi Balik Pulau | 100 | 3,000.00 |
| | Rock Climbing & Jamuan Penghargaan | 30 Dec 2023 | Project Rock Climbing IKEA & PEN Mutiara | 40 | 2,800.00 |
| **N40 Telok Bahang** | Kejohanan Futsal 7 Sebelah Tertutup Jalan Bharu | 12 Feb 2023 | Padang PRB | 100 | 3,000.00 |
| | Program Edaran Bubur Lambuk Sempena Bulan Ramadhan | 7 Apr 2023 | Pasar Malam Teluk | 750 | 1,090.00 |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Bahang | | |
| | Konvoi Santai (Telok Bahang, Penang- Cameron, Pahang) | 6,7,8 Oct 2023 | Dewan MBPP Telok Bahang | n/a | 5,910.00 |
| **Jumlah** | **129 Program** | **29,229 Penyertaan Belia** | | | **RM 329,390.64** |

**SENARAI PROGRAM JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG (JBPP) TAHUN 2024**

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **N01 Penaga** | Majlis Berbuka Puasa JBPP Penaga | 7 Apr 2024 | Majlis Jamek Lahar Kepar, Penaga | 135 | 1,000.00 |
| | Sumbangan Hamper Aidilfitri JBPP Penaga kepada Agensi Kerajaan | 8 Apr 2024 | Sekitar KADUN Penaga | - | 1,000.00 |
| **N07 Sungai Puyu** | Meow Woof Charity Market | 7 Jan 2024 | Dewan Terbuka Padang Taman Tanjung Aman Butterworth | 300 | 0.00 |
| | Pasar Percuma Butterworth | 7 Apr 2024 | MPKK Jalan Thamby Kecik | 2000 | |
| | Canva Editing Workshop | 28 Apr 2024 | Dewan MPKK Taman Lucky | 14 | 198.53 |
| **N09 Bagan Dalam** | Lawatan ke Projek Menara Tenaga Nasional Berhad (TNB) | 30 Mac 2024 | Batu Uban Wharf | 40 | 0.00 |
| **N12 Penanti** | Geng Subuh Macam Jumaat | 11 Feb 2024 | Perkarangan Masjid Taman Guar Perahu | 200 | |
| | Majlis Berbuka Puasa & Moreh JBPP dan Pemuda Mengkuang Titi | 4 Apr 2024 | Perkarangan Surau Mengkuang Titi | 60 | |
| **N15 Padang Lalang** | Program Ceramah Feng Shui "Mengubah Nasib Menjadi Keberuntungan" | 21 Jan 2024 | Bilik Auditorium Jit Sin | 70 | 1,050.00 |
| **N17 Bukit Tengah** | Makan Malam Sempena Majlis Apresiasi KADUN Bukit Tengah | 10 Mac 2024 | Concept Hall, Auto City, Juru | 300 | - |
| | Kempen Derma Darah | 31 Mac 2024 | Dewan Komuniti Taman Bayu Mutiara | 52 | 0.00 |
| | Kempen Derma Darah | 28 Apr 2024 | Dewan Komuniti Taman Bayu Mutiara | 258 | |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **N20 Sungai Bakap** | Geng Subuh Macam Jumaat | 9 Mac 2024 | Masjid Daerah SPS - Sungai Jawi, Nibong Tebal | 1000 | - |
| | Jamuan Rumah Terbuka Aidilfitri 2024 | 27 Apr 2024 | Tapak Pakir C-Mart Nibong Tebal | 5000 | - |
| **N21 Sungai Acheh** | Pertandingan Sepak Penalti 3 Lawan 3 Tertutup DUN Sungai Acheh | 2 Mac 2024 | Gelanggang Futsal MPKK Simpang Tiga | 96 | 3,000.00 |
| | Program Gotong-royong Bubur Lambuk & Sumbangan Asnaf | 26 Mac 2024 | Pusat Khidmat ADUN N21 Sungai Acheh | 50 | - |
| | Program Singgah Sahur | 30 Mac 2024 | Kawasan Dun Sungai Acheh | 30 | - |
| **N23 Air Putih** | Welcoming party for Community Class 2.0 | 26 Mac 2024 | Pusat penang2030 Air Putih | 43 | - |
| **N25 Pulau Tikus** | Beginners Website Development Workshop | 28 Jan 2024 | Penang Institute | 15 | 955.00 |
| | Sesi Bermain Badminton Santai Bersama Belia | 24 Feb, 2, 9, 16, 23 Mac 2024 | St. Xavier Branch School | 37 | |
| | Bake for a Cause: Cookies Workshop | 30 Mac 2024 | Balai Rakyat Jalan Cantonment | 21 | |
| **N28 Komtar** | CNY Yue Lao Event | 23 Feb 2024 | COEX @ Kilang Besi | n/a | - |
| | Cosworld Esports Festival | 23 - 24 Mac 2024 | Prangin Mall | n/a | - |
| | Crosstalk Performance | 21 Apr 2024 | Komtar Auditorium C | n/a | - |
| **N30 Sungai Pinang** | Badminton Friendly Match | 27 Jan 2024 | Dewan SJCK Beng Teik Caw. | 29 | - |

| JBPP | PROGRAM | TARIKH | TEMPAT | PENYERTAAN | PERUNTUKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | Operasi Pemantauan dan Pembekalan Air (Gangguan Bekalan Air Berjadual) | 10 - 11 Jan 2024 | Kawasan Sungai Pinang | 16 | - |
| | Kempen Kesedaran Diabetes & Pemeriksaan Kesihatan | 21 Jan 2024 | Dewan Komuniti Taman Jelutong Jaya Blok 1 | 40 | - |
| | Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parlimen Jelutong | 22 Feb 2024 | Gelanggang Bola Keranjang Bandar Sri Pinang | 200 | - |
| **N32 Seri Delima** | Program Bengkel Seni Latte | 13 Apr 2024 | Frank Laurent Coffee Roasters | 30 | - |
| **N34 Paya Terubong** | Ceramah Cukai Pendapatan 1.0 | 14 April 2024 | Dewan MPKK Sri Relau | 25 | - |
| | Ceramah Cukai Pendapatan 2.0 | 21 April 2024 | Blok 1B- Desa Baiduri | 23 | - |
| **N39 Pulau Betong** | Program Pembelian Baju Raya kepada Golongan Asnaf | 7 Apr 2024 | Sunshine Square, Bayan Baru | 20 | - |
| **Jumlah** | **32 Program** | **10,104 Penyertaan Belia** | | | **RM 7,203.53** |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

24. Berapakah jumlah tajaan tunai dan bukan tunai yang diterima oleh Penang FC dan senaraikan kesemua penaja yang telah memberi komitmen untuk menaja Penang FC.

**YB GOOI ZI SEN**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Tajaan tunai dan bukan tunai yang diterima oleh Penang FC Sdn. Bhd. daripada tahun 2021 sehingga kini adalah sejumlah RM7,376,695.00 dan senarai penaja bagi Penang FC adalah sebanyak 73 penaja. Maklumat terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**LAMPIRAN A**

## TAJAAN TUNAI DAN BUKAN TUNAI YANG DITERIMA OLEH PENANG FC SDN. BHD.

| BIL | PERKARA | TAHUN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2021 (RM) | 2022 (RM) | 2023 (RM) | 2024 (APRIL 2024) (RM) |
| 1. | Jumlah tajaan tunai | 2,016,000 | 2,135,455 | 1,904,775 | 196,500 |
| 2. | Jumlah tajaan bukan tunai | 669,722 | 150,328 | 25,125 | 278,790 |
| **JUMLAH** | | **2,685,722** | **2,285,783** | **1,929,900** | **475,290** |

# SENARAI PENAJA BAGI PENANG FC SDN. BHD.

| BIL. | SENARAI PENAJA |
|---|---|
| 1. | ZENITH |
| 2. | TITIJAYA |
| 3. | SRS |
| 4. | EKOWORLD |
| 5. | GRAND ORIENT |
| 6. | UWC |
| 7. | DR PC |
| 8. | IJM |
| 9. | HUNZA |
| 10. | HS JOHAN COMMERCIAL VEHICLES |
| 11. | HAIRSTORY CAPITAL SDN BHD |
| 12. | EAST DESIGN ARCHITECT SDN BHD |
| 13. | MAPLE PALACE |
| 14. | GAMA SUPERMARKET & DEPARTMENT STORE SDN BHD |
| 15. | TETO ENGINEERING SDN BHD |
| 16. | UNITED BUILDERS |
| 17. | KAKI JERSEY SDN BHD |
| 18. | VITROX TECHNOLOGIES SDN BHD |
| 19. | MORNING DEW DEVELOPMENT SDN BHD |
| 20. | ENG KAH ENTERPRISE SDN BHD |
| 21. | ISLAND LANDCAP CORP |
| 22. | A TU Z WEDDING HOUSE SDN BHD |
| 23. | CHIPSTRONICS SDN BHD |
| 24. | GOLDEN VILLAGE PROPERTIES |
| 25. | ECO HORIZON |
| 26. | PATSIFIT CONSTRUCTION SDN BHD |
| 27. | YENHER AGRO PRODUCTS |
| 28. | SELIA EKUITI SDN BHD |
| 29. | JIN HUO GOLD & JEWELLERY INDUSTRIES |
| 30. | Ee-LIAN ENTERPRISE SDN BHD |
| 31. | CONFAST GROUP |
| 32. | FRANK GROUP OF COMPANIES |
| 33. | PERSADA MENTARI |
| 34. | TG OCEAN HEALTH |
| 35. | PKT LOGISTICS |
| 36. | JINKO SOLAR |
| 37. | SOLARVEST ENERY SDN BHD |
| 38. | IMPIAN MAWAR |
| 39. | TP INSURANCE AGENCY |
| 40. | MEGA FILMS DISTRIBUTION SDN BHD |
| 41. | SRS CONSORTIUM SDN BHD |

| BIL. | SENARAI PENAJA |
|---|---|
| 42. | DREAMZ PRODUCTIONS |
| 43. | ZEON PROPERTIES GROUP |
| 44. | AMAZINGWORKS GROUP |
| 45. | ATLANTIC BY MOTION |
| 46. | DC GOLDEN |
| 47. | NEOH TRADING |
| 48. | KEYANNE INTREGRATION |
| 49. | HAIRSTORY CAPITAL SDN BHD |
| 50. | KEPALA BATAS BIHUN |
| 51. | ESPLANDE PARK |
| 52. | CINSOON AUTO PARTS SDN BHD |
| 53. | GDP ARCHITECTS |
| 54. | RGB INTERNATIONAL |
| 55. | HUNZA PROPERTIES BERHAD |
| 56. | IDEAL PROPERTY |
| 57. | HOTAYI ELECTRONIC |
| 58. | TAN WAH GROUP |
| 59. | MKT MARKETING |
| 60. | WENG HONG HUNG ENTERPRISE |
| 61. | NATIONGATE SOLUTION SDN BHD |
| 62. | ASPEN VISION DEVELOPMENT SDN BHD |
| 63. | Igneus Setia Sdn. Bhd. |
| 64. | PDC |
| 65. | MAT SALEH BARBER |
| 66. | VST |
| 67. | PBA |
| 68. | SAUDAGAR KURMA |
| 69. | Ken Property Sdn Bhd |
| 70. | BERTAM RESORT |
| 71. | TEONG HUAT GROUP OF COMPANIES |
| 72. | AFTA MOTOR SDN. BHD. |
| 73. | SYNERGY PRINT SDN BHD |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

25. Keadaan kondusif fasiliti sukan dan kemudahan padang awam amatlah penting terutama apabila ianya sering diguna pakai oleh masyarakat untuk kegiatan sukan dan hobi. Berapakah jumlah kos yang telah dikeluarkan dan jumlah gelanggang futsal atau fasiliti sukan lain yang telah dibaik pulih oleh pihak Kerajaan Negeri setakat hari ini?

**YB GOOI ZI SEN**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Bagi tahun 2023 sehingga kini, jumlah gelanggang futsal atau fasiliti sukan lain yang telah dinaik taraf dan dibaik pulih di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 5 projek dan berjumlah RM578,917.76. Seterusnya, bagi projek di bawah pembangunan sukan dan kawasan lapang bagi tahun 2023 dan 2024 dibawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (P01-Butiran 59) adalah sebanyak 17 projek dan berjumlah RM1,994,329.03. Selain itu, kemudahan sukan di bawah pihak Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang yang dinaik taraf sepanjang tahun 2023 sehingga 2024 juga adalah sebanyak 13 projek dan telah diperuntukkan sejumlah RM6,917,876.00. Maklumat terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

## LAMPIRAN A

**Kemudahan Sukan dibawah seliaan pengurusan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang telah dinaiktaraf sepanjang tahun 2023-2024**

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Menaik taraf tandas dan ruang terbuka Wisma Angkat Berat Bukit DO, Bukit Mertajam | 123,972.76 |
| 2 | Pemasangan *Pulley System* Sukan Terjun di Kolam Renang MBPP Kompleks Sukan Relau bagi pembangunan sukan terjun air Pulau Pinang | 50,000.00 |
| 3 | Kerja-kerja membekal dan memasang Pagar Anti Climb Dan Palang Penghalang Di Kawasan Dewan Serbaguna Jalan Kaki Bukit, Daerah Timur Laut, Gelanggang Bola Tampar Kampung Buah Pala | 99,995.00 |
| 4 | Pemasangan lampu limpah di Kompleks Sukan Titi Mukim bagi membolehkan latihan atlet SUKMA negeri dilaksanakan pada waktu malam | 4,950.00 |
| 5 | Menaik taraf Dewan Serbaguna di PT 6712 Mukim 12 Barat Daya untuk dijadikan sebagai Akademi *Billiard & Snooker* Wilayah Utara melalui usahasama Kementerian Belia & Sukan Malaysia | 300,000.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **578,917.76** |

**Pembangunan Sukan Dan Kawasan Lapang Bagi Tahun 2023 Dan 2024 dibawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (P01-Butiran 59)**

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK DILULUSKAN(RM) |
|---|---|---|
| 1 | Membina Gelanggang Bola Keranjang dan baik pulih Gelanggang Takraw di Lot 2120, Mukim 1, Chai Leng Park, Perai | 153,952.00 |
| 2 | Pembinaan Gelanggang di Tapak Dewan Rumah Hijau Mak Mandin dan kerja-kerja berkaitan | 280,000.00 |
| 3 | Membina Gelanggang Serbaguna di Kampung Bukit Kechil, Juru, Bukit Tengah | 177,054.80 |
| 4 | Menaik taraf Gelanggang Bola Keranjang ke taraf antarabangsa di Taman Sunway Tunas | 143,073.00 |
| 5 | Menaik taraf Gelanggang Bola Keranjang Bersebelahan Flat PPR Padang Tembak, Jalan Padang Tembak termasuk kerja-kerja berkaitan | 199,987.83 |

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK DILULUSKAN(RM) |
|---|---|---|
| 6 | Cadangan Membina Gelanggang Sepak Takraw di Taman Halaman Indah, Daerah Seberang Perai Selatan (Kadun Sungai Bakap) | 126,459.40 |
| 7 | Kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih lantai Gelanggang Bola Keranjang Bukit Panchor dan lain-lain kerja yang berkaitan di Kadun Jawi | 58,136.00 |
| 8 | Membekal serta meratakan pasir dan kerja berkaitan di Gelanggang Bola Tampar Pantai, Taman Guar Perahu, Penanti, Seberang Perai Tengah | 20,000.00 |
| 9 | Menaiktaraf Gelanggang Sepak Takraw di Kampung Jawa, Bayan Baru dan kerja berkaitan | 59,868.00 |
| 10 | Kerja-kerja menaiktaraf Gelanggang Bola Keranjang sedia ada di Taman Kerapu serta kerja berkaitan, Kadun Bagan Jermal | 290,970.00 |
| 11 | Pemasangan lampu limpah di Gelanggang Sepak Takraw Jalan Mohd Saad, Kadun Bagan Jermal | 5,000.00 |
| 12 | Kerja-kerja pemasangan lampu limpah serta lain-lain kerja Berkaitan di Padang Awam Taman Berjaya, Daerah Seberang Perai Selatan | 41,640.00 |
| 13 | Kerja-kerja menaiktaraf Tapak/Lantai Gelanggang Bola Keranjang berbumbung Taman Kota Permai, Spt Bukit Mertajam P01/59 Tahun 2023 | 19,988.00 |
| 14 | Kerja-kerja menaiktaraf Gelanggang Bola Jaring dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan Assumption, Bagan Dalam, Seberang Perai Utara | 335,000.00 |
| 15 | Kerja-kerja pembaikan pagar di Gelanggang Futsal Sg Batu Teluk Kumbar serta kerja lain berkaitan | 27,600.00 |
| 16 | Kerja-kerja Menaiktaraf Gelanggang Bola Keranjang Taman Sahabat, Bagan Teluk Kumbar serta kerja lain berkaitan | 40,600.00 |
| 17 | Kerja-kerja menaiktaraf bumbung tambahan serta berkaitan Gelanggang Bola Keranjang Taman Bukit Panchor, Nibong Tebal | 96,000.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **2,075,329.03** |

**Infrastruktur yang telah dinaiktaraf oleh pihak Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang Bagi 2023 dan 2024**

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK DILULUSKAN(RM) |
|---|---|---|
| 1 | Menaiktaraf Sistem Kawalan Keselamatan Camera Litar Tertutup (CCTV) di Stadium Negeri Pulau Pinang | 1,417,170.00 |
| 2 | Menaiktaraf Stadium FASA 2 (menaiktaraf tandas awam Tingkat 2, bilik persalinan dan bilik-bilik) di Stadium Negeri Pulau Pinang | 890,205.00 |
| 3 | Pendawaian semula Sistem Elektrik FASA 1 di Stadium Negeri Pulau Pinang | 1,783,010.00 |
| 4 | Menaiktaraf Sistem Pencegahan Kebakaran di Stadium Negeri Pulau Pinang | 385,680.00 |
| 5 | Kerja-kerja menaiktaraf bangunan, Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony, Seberang Jaya | 28,592.00 |
| 6 | Membekal, memasang dan mentauliah 1 unit chiller, Dewan Millenium, Kepala Batas | 1,444,488.00 |
| 7 | Kemudahan 10 unit kontena untuk bilik persalinan, tandas, surau, bilik mesyuarat, bilik VIP, skatepark dan 400 tempat duduk penonton, naiktaraf lampu laluan jongging trek. Kompleks Sukan Pokok Sena | 2,184,376.00 |
| 8 | Pendawaian dan Menukar Lampu Solar, Kompleks Sukan Balik Pulau | 583,871.00 |
| 9 | Kerja menaiktaraf perpaipan, Kompleks Sukan Jalan Betek | 148,550.00 |
| 10 | Kerja-kerja Pendawaian Semula elektrik FASA 2 dan Menaiktaraf Sistem Perpaipan Stadium Negeri Pulau pinang | 3,898,734.00 |
| 11 | Kerja-kerja menaiktaraf, membekal, memasang dan mentauliah sistem pencegahan kebakaran, Kompleks Sukan Balik Pulau | 326,830.00 |
| 12 | Kerja Menaiktaraf FASA 2 (naiktaraf tandas dan bumbung) dan sistem pendawaian semula Kompleks Sukan Balik Pulau | 2,004,111.00 |
| 13 | Kerja-kerja Menaiktaraf. Membekal, Memasang dan Mentauliah Sistem Pencegahan Kebakaran, Dewan Millenium, Kepala Batas | 688,201.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **6,917,876.00** |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

26. Denggi menjadi salah satu ancaman kesihatan kepada rakyat di negeri ini. Nyatakan inisiatif baharu yang sedang atau akan dibawa oleh Kerajaan Negeri bagi memerangi wabak denggi di negeri ini dan nyatakan secara terperinci langkah atau program yang telah dan bakal dilaksanakan bagi memerangi wabak denggi di negeri Pulau Pinang.

**YB GOOI ZI SEN**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Antara inisiatif baharu yang sedang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi mengurangkan penyebaran wabak demam denggi ialah projek pelepasan nyamuk berWolbachia di lima (5) lokaliti *hotspot* di Pulau Pinang. Kawasan yang terlibat bagi projek pelepasan nyamuk berWolbachia adalah seperti berikut:

(a) Flat Bukit Gedung, Daerah Barat Daya

(b) Flat Taman Inderawasih, Daerah Seberang Perai Tengah

(c) PPR Taman Manggis,Daerah Timur Laut

(d) PPR Taman Bagan Jaya, Daerah Seberang Perai Utara

(e) Kuarters Lone Pine, Daerah Timur Laut

Bagi lokaliti flat Bukit Gedung dan PPR Taman Manggis, pelepasan nyamuk berWolbachia berstatus “*booster plus*” sebanyak 6 *batch* masing-masing telah dijalankan pada 13 Januari 2024 sehingga 19 Mac 2024 (Flat Bukit Gedung) dan 15 Januari 2024 sehingga 21 Mac

2024 (PPR Taman Manggis) dan diikuti dengan lokaliti Flat Inderawasih yang akan dimulakan pada 9 Mei 2024 akan datang.

Seterusnya, bagi lokaliti PPR Bagan Jaya akan dijalankan pelepasan nyamuk "*booster 2*" sebanyak 8 batch yang akan dijadualkan bermula pada 14 Jun 2024 sehingga 2 Julai 2024. Kemudian diikuti dengan pelepasan nyamuk berWolbachia berstatus "*booster 1"* di Kuarters Polis Lone Pine yang akan dijalankan pada 4 Julai 2024 sehingga 22 Ogos 2024.

Selain itu Jabatan Kesihatan Negeri juga menjalankan aktiviti kawalan komplimentari dari kaedah kawalan Denggi sedia ada seperti *Mosquito Home*, MyMAT, *Outdoor Residual Spray (ORS) & modified ovitrap* terutamanya di kawasan *hotspot*, wabak tak terkawal dan kawasan berisiko tinggi denggi.

Usaha kerajaan dalam menangani masalah demam denggi adalah usaha yang berterusan bermula tahun 2024. JKNPP telah melancarkan platform media sosial bertujuan untuk memberi maklumat denggi terkini kepada orang ramai. Langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan oleh orang ramai adalah melakukan pemeriksaan dalam rumah masing-masing bagi mengenal pasti dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula bertindak sebagai agensi sokongan membantu menerusi inisiatif-insiatif berikut:

(a) Melaksanakan aktiviti pencegahan dan pembasmian (*larvaciding,* cari dan musnah serta pengasapan);

(b) Menjalankan pemeriksaan berkala di tapak-tapak binaan yang diluluskan;

(c) Menyalurkan bantuan kemanusiaan, peralatan dan kepakaran bagi menangani wabak Denggi;

(d) Membantu hebahan dan promosi maklumat untuk komuniti di media sosial; dan

(e) Menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap premis-premis di bawah bidang kuasa PBT.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

27. Berapakah jumlah rumah-rumah kos rendah yang telah dirancang dan akan siap sebelum tahun 2027?

(a) Adakah rumah-rumah kos rendah / sederhana rendah sedia ada akan dibina semula bagi memenuhi kehendak panduan baru rumah pada masa kini? Nyatakan lokasi pembinaan dan cadangan tarikh pelaksanaan serta jangka siap.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri. Ia dinyatakan dengan jelas di dalam Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan dengan sasaran penyediaan sebanyak 220,000 unit RMM pelbagai kategori menjelang tahun 2030. Sehingga 30 April 2024, sasaran Kerajaan Negeri telah mencecah sebanyak 160,744 unit iaitu 73.07% di bawah sasaran Visi Penang2030.

Perincian mengikut jenis RMM dan status pembinaan adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

| JENIS RMM/STATUS | SIAP DIBINA | PELBAGAI PERINGKAT PEMBINAAN | PERANCANGAN |
|---|---|---|---|
| **RMM A** | 21,405 | 3,949 | 8,817 |
| **RMM B** | 15,475 | 2,146 | 16,304 |
| **RMM C** | 13,820 | 14,452 | 64,376 |
| **JUMLAH** | **50,700** | **20,547** | **89,497** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **160,744** | | |

**Jadual 1**: Perincian Rumah Mampu Milik (RMM) di Pulau Pinang mengikut jenis dan status pembinaan.

(a) Salah satu inisiatif Kerajaan Negeri adalah dengan pelaksanaan Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) yang pertama kali dijalankan di Pulau Pinang bagi menggantikan unit RMM A (dahulunya dikenali sebagai kos rendah) dan RMM B (dahulunya dikenali sebagai kos sederhana rendah) sedia ada. Kerajaan Negeri mensasarkan seramai 3,000 buah keluarga akan mendapat manfaat dari Projek URC ini menjelang tahun 2030 bagi sasaran di bawah Visi Penang2030. Sehingga 30 April 2024, lima (5) buah Projek URC yang dikenal pasti dalam Pelan Induk Rumah Mampu Milik Pulau Pinang (RMMPg) di bawah Pelan Induk Pembangunan Perancangan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang akan memberi manfaat kepada seramai 6,021 buah keluarga sedia ada di kesemua skim perumahan.

Maklumat komponen cadangan Projek URC adalah seperti di **Jadual 2**

| **PROJEK** | **LOKASI DAERAH** | **UNIT SEDIA ADA** | **CADANGAN KOMPONEN PEMBANGUNAN** | | | **TAHUN PELAKSA-NAAN** | **TAHUN JANGKA SIAP** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | **UNIT RMM A** | **UNIT RMM B** | **UNIT RMM C** | | |
| URC Mahsuri | Daerah Barat Daya | 300 | - | 300 | 770 | 2022 | 2031 |
| URC Free School | Daerah Timur Laut | 1,128 | 1,175 | - | 2,034 | 2028 | 2044 |
| URC Mak Mandin | Seberang Perai Utara | 820 | 879 | - | 1,652 | 2023 | 2036 |
| URC Siakap | Seberang Perai Tengah | 120 | 420 | 300 | 500 | 2024 | 2035 |
| URC Padang Tembak | Daerah Timur Laut | 3,653 | 1,200 | 600 | 1,400 | 2030 | 2055 |
| **JUMLAH** | | **6,021** | **3,674** | **1,200** | **6,356** | | |

**Jadual 2:** Maklumat komponen cadangan Projek URC.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

28. Apakah tahap pencapaian pelaksanaan *Sustainable Development Goals* (SDG) di peringkat Kerajaan Negeri, agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Menurut ukuran skor Pusat Jeffrey Sachs, Pulau Pinang telah mencapai skor 64.2 bagi prestasi keseluruhan *Sustainable Development Goals* (SDG) pada tahun 2021. Negeri Pulau Pinang kini menduduki tangga ke-8 selepas Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan, Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak, dan Selangor bagi Skor keseluruhan SDG (Rajah 1) seperti di Lampiran A. Negeri Pulau Pinang telah mencapai matlamat untuk SDG 7 (*Affordable and Clean Energy*) dan SDG 9 (*Industry, Innovation, and Infrastructure*), dan akan mengekalkan pencapaian ini sehingga tahun 2030. Cabaran utama masih kekal dalam mencapai SDG 2 (*Zero Hunger*), SDG 11 (*Sustainable Cites and Communities*) dan SDG 15 (*Life on Land*). Skor Indeks SDG Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021 (Rajah 2) seperti di **LAMPIRAN A**.

Dalam usaha memacu kemajuan SDG, semua pihak perlu memainkan peranan secara berterusan agar manfaat dari pencapaian SDG dapat di rasai hasil keberkesanannya. Statistik yang berkualiti merupakan kunci untuk mengukur dan memantau kemajuan SDG. Justeru, usaha memperbaiki dan memperkukuhkan statistik SDG di peringkat negeri merupakan satu usaha yang amat penting. Pendekatan jangka masa pendek, sederhana dan panjang diperlukan untuk memandu dasar pembangunan lestari dengan

fokus khusus diberikan terhadap indikator yang menjadi cabaran utama bagi negeri.

Pelbagai program dan projek telah dilaksanakan di negeri Pulau Pinang dalam memenuhi matlamat yang telah digariskan di bawah SDG. Salah satu usaha bagi pelaksanaan SDG ialah melalui inisiatif *Penang Bay* yang meliputi Pembangunan kawasan persisir Pantai Butterworth dan George Town di tiga (3) daerah iaitu Timur Laut, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000.00 kepada PlanMalaysia@Pulau Pinang bagi penyediaan Pelan Induk Pembangunan Strategik Penang Bay dengan kerjasama George Town Conservation and Development Corporation (GTCDC).

Pelan Induk yang kini sedang dalam deraf akhir telah memfokuskan untuk mempertingkatkan potensi aktiviti ekonomi, kesejahteraan sosial dan kualiti/ keseimbangan alam sekitar bagi 39 projek (projek *flagship* dan projek cadangan) dengan 11 SDGs berkaitan. 11 SDGs tersebut ialah:

(a) *Good Health and Well-Being* (SDG3);
(b) *Quality Education* (SDG 4);
(c) *Affordable and Clean Energy* (SDG 7);
(d) *Decent Work and Economic Growth* (SDG 8);
(e) *Industry, Innovation, and Infrastructure* (SDG 9);
(f) *Reduced Inequalities* (SDG 10);
(g) *Sustainable Cities and Communities* (SDG 11);
(h) *Responsible Consumption and Production* (SDG 12);
(i) *Climate Action* (SDG 13);
(j) *Life Below Water* (SDG 14);
(k) *Partnerships* (SDG 17).

Negeri Pulau Pinang turut menerima pengiktirafan daripada *UN-Habitat SDG Cities Global Initiative* untuk SDG *Cities Silver Certificate for Penang Bay Area* pada 31 Oktober 2022 dan sedang dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan emas. Untuk tujuan tersebut, pembangunan di Kawasan Penang Bay perlu selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Strategik Penang Bay.

Selain itu, kemasukan pelabur-pelabur besar ke Malaysia seperti syarikat teknologi dan kenderaan elektrik (EV) memerlukan tenaga kemahiran tempatan yang ramai. Industri ini perlu digerakkan oleh tenaga kerja berkemahiran tinggi terutamanya dalam membangunkan sistem, aplikasi dan perkhidmatan seperti kecerdasan buatan (AI). Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang dan akan memberikan tumpuan dalam meneroka bidang baharu yang lestari seperti yang digariskan di dalam *Sustainable Development Goals* - SDG khususnya penekanan dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi serta kejuruteraan AI yang boleh dimanfaatkan masyarakat dan industri.

Antara langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memenuhi keperluan industri untuk tenaga kerja mahir dalam bidang EV dan AI termasuklah perancangan untuk mengenal pasti ekosistem kenderaan elektrik serta keperluan kemahiran untuk setiap peringkat ekosistem bagi kedua-dua bidang tersebut. Selain itu, negeri Pulau Pinang mempunyai kepakaran bagi teknologi bateri EV di samping turut mempunyai institusi pengajaran kemahiran mekanik. Tambahan lagi, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training* – TVET) boleh direka dan diketengahkan bagi keperluan kemahiran EV dan AI dengan mengambil kira kekuatan sedia ada negeri Pulau Pinang dalam bidang ini.

Bagi negeri Pulau Pinang, kadar pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang terus mengukuh sebanyak 13.1 peratus pada tahun 2022 (2021: 6.9%) dengan nilai KDNK berjumlah RM112.1 bilion (2021: RM99.1 bilion). Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) di Pulau Pinang meningkat 0.6 mata peratus daripada 69.7 peratus pada tahun 2021 kepada 70.3 peratus pada tahun 2022. Begitu juga, kadar pengangguran di Pulau Pinang menurun 0.8 mata peratus kepada 2.8 peratus pada tahun 2022 (2021: 3.6%). Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Pulau Pinang dengan peratus sumbangan sebanyak 22.6 peratus pada tahun 2022. Ini diikuti oleh kategori operator mesin & loji dan pemasang dan kategori pekerja juruteknik & profesional bersekutu dengan peratus sumbangan sebanyak 16.8 peratus dan 13.5 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 35.2 peratus daripada keseluruhan pekerja di Pulau Pinang.

Dalam usaha memacu pembangunan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga tidak mengabaikan kepentingan memelihara alam sekitar. Di bawah SDG 14 (*Life Below Water*), Kerajaan Negeri kini dalam usaha mewartakan *Middle Bank* sebagai Santuari Marin bagi negeri Pulau Pinang. Kawasan *Middle Bank*, iaitu kawasan laut yang cetek di bahagian utara Jambatan Pulau Pinang berdekatan dengan persisiran perairan dari Gat Lebuh Macallum dari Sungai Pinang sehingga ke persisiran pantai Gelugor seluas 10km persegi. *Middle Bank* (atau Tebing Tengah) merupakan padang rumput laut terbesar di Selat Melaka, yang boleh kelihatan memanjang dari Persiaran Karpal Singh sehingga ke Jambatan Pulau Pinang semasa air surut, merupakan salah satu inisiatif *Placemaking* di bawah visi *Penang* 2030. *Middle Bank* adalah kawasan perairan di Selat Pulau Pinang yang kaya dengan kepelbagaian ekosistem marin semula jadi, dan merupakan tempat makan untuk pelbagai hidupan laut.




Rajah 1: Skor keseluruhan SDG bagi negeri-negeri di Malaysia bagi tahun 2021




Rajah 2: Skor Indeks SDG negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

29. Keindahan pantai di negeri ini sangat sinonim dan menjadi antara salah satu tarikan utama pelancong dari dalam dan luar negara. Kemukakan statistik terkini jumlah kawasan *hot spot* hakisan dan pencemaran pantai yang sedang berlaku di negeri Pulau Pinang.

(a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Fenomena hakisan pantai berlaku disebabkan oleh aktiviti air pasang surut di laut dan kawasan pantai yang terdedah kepada tiupan angin kencang dan ombak di pantai/laut yang menyebabkan regim pembekal enapan pasir kepada sistem persisiran pantai. Terdapat dua (2) pantai yang mengalami masalah hakisan yang serius di negeri ini. Pantai tersebut adalah Pantai Batu Feringghi dan Tanjung Bungah.

Kerja-kerja pencegahan jangka pendek telah dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang dengan melaksanakan kerja-kerja kawalan hakisan dengan kaedah *beach container* dan *bulk bag*. Namun begitu, masih terdapat hakisan berlaku. Oleh itu permohonan peruntukan bagi menjalankan kerja pembaikan jangka panjang telah dimohon di dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RP5). Kerja-kerja ini dijangka dapat mengatasi hakisan pantai yang berlaku di negeri ini.

Bagi pengawasan kualiti air marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membangunkan stesen-stesen pengawasan di bawah Program

Pengawasan Kualiti Air Marin, ianya diklasifikasikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:-

(i) Stesen Pantai.
(ii) Stesen Muara Sungai.
(iii) Stesen Pulau.

Terdapat 17 Stesen Pantai, tujuh (7) stesen Muara Sungai dan 9 Stesen Pulau di Pulau Pinang. Berikut adalah data pengawasan air marin di Pulau Pinang bagi tahun 2022:

(i) Status Kualiti Air Marin bagi Pantai, 2022 seperti di **LAMPIRAN A**
(ii) Status Kualiti Air Marin bagi Muara Sungai, 2022 seperti di **LAMPIRAN B**
(iii) Status Kualiti Air Marin bagi Pulau, 2022 seperti di **LAMPIRAN C**

(a) Bagi membantu Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang telah melaksanakan program-program seperti berikut:

(i) Menjalankan penguatkuasaan ke atas punca pencemar yang tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

(ii) Menjalankan pengawasan kualiti air sungai secara berkala.

(iii) Mengadakan program kesedaran awam dan pendidikan secara berkala.

(iv) Menjalankan penguatkuasaan berkaitan *Environmental Impact Assessment* (EIA).

(v) Pengawalan melalui pelesenan dan kebenaran bertulis, notifikasi seperti pembinaan loji rawatan air mengikut amalan kejuruteraan yang baik.

**LAMPIRAN A**

| NEGERI / STATE | KLASSIFIKASI STESEN / STATION CLASSIFICATION | KAWASAN / AREA | NOMBOR STESEN / STATION NUMBER | NILAI IKAMM / MMWQI VALUE | | | | | KATEGORI (2022) / CATEGORY (2022) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | |
| P. Pinang | Pantai/Coastal | Gertak Sanggul | MMPC001 | 81 | 58 | 84 | 81 | 83 | Baik / Good |
| | | Kawasan Perindustrian Bayan Lepas 1 | MMPC002 | 59 | 56 | 56 | 72 | 60 | Sederhana / Moderate |
| | | Pantai Bersih | MMPC003 | 66 | 58 | 58 | 75 | 86 | Baik / Good |
| | | Pantai Miami | MMPC004 | 93 | 69 | 81 | 70 | 86 | Baik / Good |
| | | Pantai Pasir Panjang | MMPC005 | 93 | 81 | 81 | 93 | 95 | Terbaik / Excellent |
| | | Batu Feringgi (Casuarina) | MMPC006 | 67 | 60 | 58 | 83 | 82 | Baik / Good |
| | | Luar Pantai Teluk Bahang | MMPC007 | 93 | 57 | 83 | 81 | 88 | Baik / Good |
| | | Persiaran Gurney | MMPC008 | 66 | 58 | 59 | 60 | 79 | Sederhana / Moderate |
| | | Rumah Pam Baru Perai | MMPC009 | 64 | 56 | 61 | 68 | 76 | Sederhana / Moderate |
| | | Rumah Pam Lama Perai | MMPC010 | 65 | 57 | 60 | 65 | 59 | Sederhana / Moderate |
| | | Selat PP Selatan (Jelutong) | MMPC011 | 59 | 57 | 55 | 59 | 59 | Sederhana / Moderate |
| | | Tanjung Bungah | MMPC012 | 67 | 57 | 70 | 67 | 72 | Sederhana / Moderate |
| | | Teluk Tempoyak | MMPC013 | 75 | 57 | 69 | 70 | 63 | Sederhana / Moderate |
| | | Batu Maung | MMPC014 | 62 | 57 | 56 | 69 | 58 | Sederhana / Moderate |

Status Kualiti Air Marin bagi Pantai, 2022

**LAMPIRAN B**

| NEGERI / STATE | KLASSIFIKASI STESEN / STATION CLASSIFICATION | KAWASAN / AREA | NOMBOR STESEN / STATION NUMBER | NILAI IKAMM / MMWQI VALUE | | | | | KATEGORI (2022) / CATEGORY (2022) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | |
| P.Pinang | Muara Sungai / Estuary | Kuala Sungai Jawi | MMPE00 1 | 54 | 46 | 38 | 43 | 52 | Sederhana/ Moderate |
| | | Kuala Sungai Juru | MMPE00 2 | 47 | 51 | 30 | 42 | 53 | Sederhana/ Moderate |
| | | Kuala Sungai Kerian | MMPE00 3 | 60 | 52 | 54 | 56 | 73 | Sederhana/ Moderate |
| | | Kuala Sungai Pinang | MMPE00 4 | 61 | 52 | 53 | 52 | 54 | Sederhana/ Moderate |
| | | Kuala Sungai Perai | MMPE00 5 | 59 | 53 | 43 | 55 | 55 | Sederhana/ Moderate |
| | | Kuala Sungai Tengah | MMPE00 6 | 37 | 52 | 52 | 57 | 81 | Baik/Good |
| | | Kuala Sungai Pinang (Balik Pulau) | MMPE00 7 | 64 | 50 | 48 | 56 | 58 | Sederhana/ Moderate |

Status Kualiti Air Marin bagi Muara Sungai, 2022

**LAMPIRAN C**

| NEGERI / STATE | KLASSIFIKASI STESEN / STATION CLASSIFICATION | KAWASAN / AREA | NOMBOR STESEN / STATION NUMBER | NILAI IKAMM / MMWQI VALUE | | | | | KATEGORI (2022) / CATEGORY (2022) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | |
| P.Pinang | Pulau/Island | Batu Maung | MMPD001 | 62 | 55 | 57 | 57 | 59 | Sederhana / Moderate |
| | | Padang Kota | MMPD002 | 65 | 58 | 67 | 60 | 81 | Baik / Good |
| | | Teluk Bahang | MMPD003 | 82 | 59 | 85 | 83 | 87 | Baik / Good |
| | | Tanjung Tokong | MMPP001 | 66 | 57 | 71 | 68 | 83 | Baik / Good |
| | | Aman | MMPR001 | 88 | 60 | 72 | 72 | 92 | Terbaik / Excellent |
| | | Jerejak | MMPR002 | 65 | 57 | 58 | 76 | 59 | Sederhana / Moderate |
| | | Kendi | MMPR003 | 93 | 77 | 93 | 92 | 85 | Baik / Good |
| | | Rimau | MMPR004 | 93 | 85 | 90 | 92 | 93 | Terbaik / Excellent |
| | | Gedong | MMPR005 | 86 | 56 | 84 | 82 | 91 | Terbaik / Excellent |

Status Kualiti Air Marin bagi Pulau, 2022

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA**
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**
**YANG KELIMA BELAS**
**24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(A)(XXII)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA**
**YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

30. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengawal selia tanah-tanah pertanian khususnya bagi tujuan penanaman padi agar ianya mencukupi untuk menyumbang kepada hasil keterjaminan makanan negeri?

**YB FAHMI BIN ZAINOL**
**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Berdasarkan kepada warta Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030, kawasan sawah padi telah diletakkan di dalam zon Pengekalan Kawasan Jelapang Padi serta Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Sokongan Hidup. Kawalan dibuat ke atas permohonan pembangunan tanah dan pecah bahagian tanah melibatkan tanah kategori pertanian yang berada dalam lingkungan kawasan jelapang padi aktif sepertimana yang ditetapkan dalam RSNPP dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) serta kawasan yang diwartakan di bawah Akta Kawasan Pengairan 1953.

Melalui warta tersebut, aktiviti selain daripada penanaman padi adalah tidak disokong oleh Kerajaan Negeri. Justeru, aktiviti menambun tanah di kawasan sawah padi dan tukar guna status tanah tersebut akan sentiasa dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibawah akta yang berkaitan. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA) juga tidak akan memberikan sokongan ke atas permohonan yang bertujuan untuk aktiviti pembangunan kediaman, perniagaan dan perindustrian.

Kerajaan Negeri melalui YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kawal Selia Padi pada 16 April 2024 yang

dianggotai oleh DOA, IADA, Bahagian Kawal Selia Padi Beras dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di dalam memastikan keseriusan memantau dan menanggani tanah-tanah sektor pertanian terutamanya kawasan jelapang tidak ditukar status. YB Pengerusi bersama-sama ahli-ahli jawatankuasa tetap juga sedang meneliti bagi mengadakan dasar supaya tiada pelanggaran ke atas tanah sawah padi di negeri Pulau Pinang.